

Selagi enggan mengaku kelemahan peniaga Melayu akan gagal

UM 2 2 JUN 2011

KUALA LUMPUR 21 Jun — Selagi orang Melayu tidak mahu mengaku bahawa kelemahan berada pada diri sendiri dan tidak sanggup membetulkan kesalahan itu, selama itulah mereka akan gagal dalam perniagaan dan perusahaan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang jelas kecewa dengan pencapaian orang Melayu dalam bidang perniagaan berkata: "Setelah 43 tahun berusaha, setelah berbilion ringgit diperuntukkan, setelah beberapa bank dan pelbagai dana ditubuhkan, hari ini pencapaian orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan masih rendah.

"Kita masih berniaga di gerai tepi jalan dan belum pun masuk ke kedai batu. Bandar-bandar baru di Malaysia tidak mencerminkan penduduk berbilang kaum di Malaysia. Di bandar-bandar lama kebanyakan warga kota Melayu terdiri daripada setinggan."

"Apakah ini disebabkan kerajaan tidak berusaha? Kaum yang tidak diberi bantuan oleh kerajaan jelas berjaya. Kenapakah orang Melayu yang diberi bermacam-macam bantuan tidak berjaya," tanya beliau semasa menyampaikan ucapan Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO ke-55 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Walaupun Perdana Menteri enggan menyebut apakah kelemahan yang ada pada kaum itu, tetapi yang mahu diingatkannya ialah "mereka yang ingin kaya cepat akan miskin cepat."

Dalam ucapan yang lebih disifatkan sebagai "ucapan motivasi membina" itu, beliau berkata, satu kelemahan yang ada pada peniaga Melayu ialah mereka tidak

sabar untuk menjadi kaya, dengan itu mereka menjual apa sahaja peluang dan peruntukan yang diberikan.

"Saham, lesen, permit, kontrak dan lain-lain yang dikhaskan kepada mereka dijual terus kepada orang lain untuk mendapat keuntungan serta-merta. Selepas itu mereka memohon lagi.

"Dengan itu perniagaan yang disertai oleh bumiputera hanyalah penjualan keistimewaan mereka."

Selagi ini berlaku, kata Dr. Mahathir, tidak mungkin bumiputera mendapat bahagian mereka dalam ekonomi.

Jelas Perdana Menteri, dalam dunia dan di akhirat juga tidak ada yang mudah dan percuma.

"Hanya mereka yang rajin, tekun, sabar dan jujur sahaja yang akan berjaya baik dalam bidang ekonomi ataupun dalam apa juga bidang," katanya.

Jelas Dr. Mahathir, sepatutnya dengan bantuan kerajaan yang begitu besar kepada orang Melayu, matlamat meningkatkan bahagian bumiputera kepada sekurang-kurangnya 30 peratus daripada ekonomi negara tercapai.

"Malangnya orang Melayu dan bumiputera lain tidak mempunyai budaya perniagaan. Walaupun ada yang berjaya sehingga dapat memiliki perniagaan dan perusahaan yang agak besar, tetapi majoriti daripada orang Melayu gagal mengekal dan membesarkan perniagaan mereka."

Mereka yang gagal ini akan terus membuat desakan supaya kerajaan berusaha lagi membantu mereka dengan mengadakan pelbagai rancangan, menubuhkan berbagai-bagai dana lain untuk pelbagai tujuan.